

Feri Pulau Pinang kembali terapung

SPPP bertungkus-lumus baik pulih bahagian enjin bocor

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN

Feri Pulau Pinang yang sebelum ini dilaporkan nyaris tenggelam kini kembali terapung apabila kerja membaik pulih di bahagian bilik enjin yang bocor selesai dilakukan kira-kira jam 10 malam Selasa.

Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Datuk Tan Teik

Cheng berkata, pasukan terlibat dengan kerja-kerja baik pulih akan melakukan pemeriksaan penuh dari masa ke masa bagi memastikan tiada kebocoran dan mengelakkan kejadian sama berulang.

“Sekiranya pembaikan siap sepenuhnya, feri itu akan ditempatkan di Tanjung City Marina dan diubah suai sebagai Muzium Terapung.

“Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih atas usaha dan tindakan profesional pasukan SPPP dan Penang Port Sdn Bhd (PPSB),” katanya menerusi satu kenyataan di sini pada Rabu.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan feri ikonik Pulau Pinang itu kelihatan condong

ISU FERI
PULAU
PINANG



Feri Pulau Pinang yang sedang dibalik akan diubah suai menjadi Muzium Terapung.

dan hampir tenggelam selepas berlaku kebocoran sehingga menyebabkan bilik enjin dipenuhi air.

Berikutnya kejadian itu,

SPPP telah melakukan kerja-kerja mengepam aliran air sebelum proses pembaikan bagi memastikan feri itu terapung semula.